

Rujukan : ( 01 ) dlm TSSB/ Aset 2/2020

Tarikh : 12 November 2020

## SENARAI EDARAN SEPERTI DILAMPIRKAN

Y.B. Dato' / YAD Dato' Setia / YBhg. Dato' / YBhg. Datin Paduka / Tuan / Puan,

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara diatas tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan notis tawaran sebut harga pelupusan aset alih syarikat untuk pelupusan dua (2) buah kenderaan seperti di atas untuk makluman dan tindakan pihak

Y.B. Dato' / YAD Dato' Setia / YBhg. Dato' / YBhg. Datin Paduka / Tuan / Puan dihebahkan kepada kakitangan yang berminat.

3. Kenderaan ini boleh dilihat pada 16 November 2020 (Isnin) dari Jam 10.00 pagi sehingga 12.30 tengah hari di perkarangan tempat letak kenderaan Tourism Selangor Sdn Bhd. Manakala sebut harga pelupusan kenderaan tersebut akan ditutup pada 23 November 2020 (Isnin) Jam 12.00 tengah hari dengan mengemukakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Syarikat ke alamat seperti berikut:-

Tourism Selangor Sdn  
Bhd Lot P7 Jalan Indah  
14/12  
Seksyen 14, 40000 Shah Alam  
Selangor.

4. Tawaran dan cetakan borang juga boleh didapati di kaunter Penyambut Tetamu, pejabat Tourism Selangor Sdn Bhd untuk kepada yang berminat. Sebarang pertanyaan, sila hubungi En. Amar Abu Bakar ditalian 03-55132000.

Sekian, terima kasih

**TOURISM SELANGOR**

( AZRUL SHAH BIN MOHAMAD )

Pengurus Besar

No. Sebutharga : TSSB/002/2020(ASET)

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA  
PELUPUSAN ASET ALIH SYARIKAT**

Jabatan : **TOURISM SELANGOR SDN BHD**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan Aset	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)
1	Van Kia Pregio PREGIO No. Pendaftaran BHS 7450	1	5,000.00
2	Proton Exora FL 1.6L CVT No. Pendaftaran BMA 1080	1	19,000.00

2. Aset boleh dilihat pada **16 November 2020** diantara jam **10.00 PAGI** hingga **12.30 TENGAH HARI** di **PERKARANGAN TEMPAT LETAK KENDERAAN TOURISM SELANGOR SDNBHD.**
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Syarikat yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 4.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat bersaiz A4 dan ditanda No. Sebutharga TSSB/002/2020 (ASET) dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat:-

**TOURISM SELANGOR SDN BHD  
LOT P7, JALAN INDAH 14/12  
SEKSYEN 14, 40000 SHAH  
ALAM SELANGOR**

5. Tarikh tutup sebut harga pada **23 NOVEMBER 2020 (ISNIN)** jam **12.00 TENGAH HARI.** Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

Sekian, terima kasih  
**TOURISM SELANGOR**

  
**(AZRUL SHAH BIN MOHAMAD)**  
Pengurus Besar



### NOTIS PELUPUSAN KENDERAAN

1. Tawaran adalah daripada syarikat-syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset kenderaan milik Tourism Selangor Sdn. Bhd. seperti berikut:

No. Dokumen	Aset	Kuantiti	Deposit Pelupusan	Harga Dokumen
TSSB-Asset-3	Kia Pergio Bhs 7450 (2005)	1 unit	RM300.00	RM50.00
TSSB-Asset-4	Proton Exora Bma1080 (2012)	1 unit	RM300.00	RM50.00

2. Notis Pelupusan Kenderaan ini juga boleh disemak di laman web Tourism Selangor S/B (TSSB). <http://www.selangor.travel>
3. Kenderaan di atas adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (as-is/where-isbasis). Petender yang berminat untuk melihat keadaan kenderaan di atas sila hadir pada tarikh berikut:

Tarikh : 16,17 November (Isnin & Selasa)

Masa : 10.30 Pagi – 4.30 Petang

Tempat : Tourism Selangor S/B, Lot P7, Jalan Indah 14/12, Seksyen 14  
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

4. Sila berhubung dengan pegawai berikut untuk sebarang temujanji : En Zaimi Shari / En. Amar :(No. Tel). (03-55132000 )
5. Petender yang berminat dikehendaki membeli dokumen Pelupusan Kenderaan dengan harga **RM50.00** secara Tunai atau Bank Deraf yang dibuat atas nama Tourism Selangor Sdn. Bhd.. Dokumen Pelupusan Kenderaan boleh dibeli semasa waktu pejabat di Tourism Selangor S/B bermula **16 November 2020 (Isnin)** di alamat seperti di atas. Bayaran dokumen tidak akan dikembalikan.
6. TSSB tidak terikat kepada mana-mana tawaran tertinggi atau terendah sebagai asas dokumen di setujuterima.
7. Dokumen Tawaran yang telah lengkap di isi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermenteri dan bertanda dengan No. Dokumen Pelupusan Kenderaan dan dimasukkan ke dalam Peti Tender Tourism Selangor S/B, Lot P7, Jalan Indah 14/12, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan tidak lewat daripada **23hb. November 2020 SEBELUM JAM 12.00 TENGAHARI. Dokumen tawaran yang diserahkan selepas tarikh dan masa yang ditetapkan berbangkit dari apa jua sebab tidak akan dilayan.**

## SYARAT DAN PERATURAN SEBUTHARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebutharga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebutharga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM3,000.00 mengikut mana-mana yang terendah. Deposit sebutharga hendaklah dalam bentuk kiriman wang/ wang pos/ draf bank atau cek sahaja atas nama **TOURISM SELANGOR SDN BHD**.
3. Tawaran tanpa / kurang deposit sebutharga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as is where is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebutharga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.

## BORANG SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH SYARIKAT

Nama Individu/Syarikat.

No. Kad Pengenalan / Pendaftaran Syarikat:

Alamat :

---

---

---

Kepada:

Pengurus Akaun & Pentadbiran  
Tourism Selangor Sdn Bhd  
Lot P7, Jalan Indah 14/12 Seksyen 14  
40000 Shah Alam, Selangor.

Tuan,

### TAWARAN UNTUK SEBUT HARGA NO. TSSB/002/2020(ASET)

Merujuk kepada perkara diatas, saya /syarikat berminat menyertai sebut harga tersebut.

2. Tawaran saya / syarikat adalah seperti berikut:-

Bil.	Keterangan Aset	Kuantiti	Harga Tawaran (RM)	Deposit SebutHarga (RM)
1	Van Kia Pregio PREGIO No. Pendaftaran BHS 7450	1		
2	Proton Exora FL 1.6L CVT	1		

3. Bersama-sama ini disertakan deposit sebutharga (sebanyak 5% daripada harga tawaran aset di atas atau RM3,000.00 mengikut mana yang terendah) yang bernilai RM \_\_\_\_\_ (Ringgit Malaysia \_\_\_\_\_) dalam bentuk kiriman wang / wang pos / draf bank atau cek atas nama **TOURISM SELANGOR SDN BHD**.

4. Saya / syarikat memahami dan bersetuju dengan semua syarat-syarat yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan

---

Nama / Cop Syarikat

---

No. Tele